



**SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA**  
**KENYATAAN MEDIA**  
**Bil. 30 / 2022**

**URUSAN PENAMAAN CALON**  
**PILIHAN RAYA UMUM KE-15 (PRU KE-15)**  
**DAN PILIHAN RAYA KECIL**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI (PRK DUN)**  
**N.66 BUGAYA, SABAH**

1. Hari ini telah dijalankan urusan penamaan calon bagi PRU Ke-15 dan PRK DUN N.66 Bugaya, Sabah di mana sebanyak **222 Pusat Penamaan Calon (PPC)** telah dibuka di seluruh negara **bermula pukul 9.00 pagi sehingga 10.00 pagi** untuk bakal-bakal calon mengemukakan kertas penamaan mereka.
2. Pada kali ini sebanyak **222 kerusi Parlimen** dan **117 kerusi Dewan Undangan Negeri / Dewan Negeri** iaitu kerusi bagi Negeri Pahang, Perlis dan Perak serta satu (1) kerusi N.66 Bugaya, Sabah telah dipertandingkan.
3. Sejurus tamatnya tempoh penamaan calon pada jam 10.00 pagi, sebanyak **1,392** kertas penamaan telah dikemukakan oleh pelbagai parti dan individu yang akan bertanding dalam PRU Ke-15 dan PRK DUN N.66 Bugaya, Sabah seperti berikut:

<b>Bil</b>	<b>Bahagian Pilihan Raya</b>	<b>Kertas Penamaan Diterima</b>	<b>Kertas Penamaan Ditolak</b>	<b>Menang Tanpa Bertanding</b>	<b>Jumlah</b>
1	Parlimen	945	4	0	949
2	DUN/DN Pahang, Perlis & Perak	434	2	0	436
3	N.66 Bugaya, Sabah	7	0	0	7
<b>JUMLAH</b>		<b>1,386</b>	<b>6</b>	<b>0</b>	<b>1,392</b>

4. Jumlah calon yang bertanding mengikut parti:

<b>BIL.</b>	<b>PARTI</b>	<b>PARLIMEN</b>	<b>DUN/DN</b>	<b>DUN N.66 BUGAYA</b>	<b>JUMLAH</b>
1.	Barisan Nasional (BN)	<b>178</b>	<b>116</b>	<b>1</b>	<b>295</b>
2.	Perikatan Nasional (PN)	<b>149</b>	<b>116</b>	<b>-</b>	<b>265</b>
3.	Parti Islam Se Malaysia (PAS)	<b>22</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>22</b>

<b>BIL.</b>	<b>PARTI</b>	<b>PARLIMEN</b>	<b>DUN/DN</b>	<b>DUN N.66 BUGAYA</b>	<b>JUMLAH</b>
4.	Pakatan Harapan (PH)	<b>206</b>	<b>115</b>	<b>1</b>	<b>322</b>
5.	Democratic Action Party, Malaysia (DAP)	<b>8</b>	-	-	<b>8</b>
6.	Parti Rakyat Malaysia (PRM)	<b>16</b>	<b>1</b>	-	<b>17</b>
7.	Parti Pejuang Tanahair (PEJUANG)	<b>116</b>	<b>44</b>	<b>1</b>	<b>161</b>
8.	Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS)	<b>3</b>	-	-	<b>3</b>
9.	Gabungan Parti Sarawak (GPS)	<b>31</b>	-	-	<b>31</b>
10.	Parti Gabungan Rakyat Sabah (GRS)	<b>13</b>	-	-	<b>13</b>
11.	<b>BEBAS</b>	<b>108</b>	<b>23</b>	<b>1</b>	<b>132</b>

<b>BIL.</b>	<b>PARTI</b>	<b>PARLIMEN</b>	<b>DUN/DN</b>	<b>DUN N.66 BUGAYA</b>	<b>JUMLAH</b>
12.	Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRB)	<b>1</b>	-	-	<b>1</b>
13.	Parti Sarawak Bersatu (PSB)	<b>10</b>	-	-	<b>10</b>
14.	Ikatan Demokratik Malaysia (MUDA)	<b>6</b>	-	-	<b>6</b>
15.	Parti Sedar Rakyat Sarawak (SEDAR)	<b>1</b>	-	-	<b>1</b>
16.	Parti Warisan Sabah (WARISAN)	<b>52</b>	<b>17</b>	<b>1</b>	<b>70</b>
17.	Parti Bangsa Malaysia (PBM)	<b>5</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>7</b>
18.	Parti Bumiputera Perkasa Malaysia (PUTRA)	<b>9</b>	-	-	<b>9</b>

<b>BIL.</b>	<b>PARTI</b>	<b>PARLIMEN</b>	<b>DUN/DN</b>	<b>DUN N.66 BUGAYA</b>	<b>JUMLAH</b>
19.	Parti Sosialis Malaysia (PSM)	1	1	-	2
20.	Parti Perpaduan Rakyat Sabah (PPRS)	1	-	1	2
21.	Party Bumi Kenyalang (PBK)	1	-	-	1
22.	Parti Kesejahteraan Demokratik Masyarakat (KDM)	7	-	-	7
23.	Parti Utama Rakyat (PUR)	1	-	-	1
<b>JUMLAH</b>		<b>945</b>	<b>434</b>	<b>7</b>	<b>1,386</b>

## 5. **Pertandingan Mengikut Penjuru**

Secara keseluruhannya, **bilangan pertandingan mengikut penjuru** adalah seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>PENJURU</b>	<b>BILANGAN PARLIMEN</b>	<b>BILANGAN DUN/DN (Pahang, Perlis &amp; Perak)</b>	<b>DUN N.66 Bugaya, Sabah</b>
1.	2 penjuru	<b>9</b>	<b>1</b>	-
2.	3 penjuru	<b>54</b>	<b>51</b>	-
3.	4 penjuru	<b>82</b>	<b>47</b>	-
4.	5 penjuru	<b>43</b>	<b>12</b>	-
5.	6 penjuru	<b>24</b>	<b>4</b>	-
6.	7 penjuru	<b>5</b>	<b>1</b>	<b>1</b>
7.	8 penjuru	<b>3</b>	-	-
8.	9 penjuru	<b>1</b>	-	-
9.	10 penjuru	<b>1</b>	-	-

## 6. Calon Yang Bertanding Mengikut Jantina

Bilangan calon yang bertanding mengikut jantina adalah seperti berikut:

BIL	JANTINA	PARLIMEN	DUN/DN (Pahang, Perlis & Perak)	DUN N.66 Bugaya, Sabah	JUMLAH
1.	Lelaki	818	375	6	1,199
2.	Wanita	127	59	1	187
<b>JUMLAH</b>					<b>1,386</b>

## 7. Calon Yang Bertanding Berdasarkan Umur

(i) Bilangan calon yang bertanding berdasarkan julat umur adalah seperti berikut:

BIL	JULAT UMUR	BILANGAN CALON		
		PARLIMEN	DUN/DN (Pahang, Perlis & Perak)	DUN N.66 Bugaya, Sabah
1.	18 - 20	0	0	0
2.	21 -29	19	17	0
3.	30 - 39	129	75	1
4.	40 - 49	241	106	3

BIL	JULAT UMUR	BILANGAN CALON		
		PARLIMEN	DUN/DN (Pahang, Perlis & Perak)	DUN N.66 Bugaya, Sabah
5.	50 - 59	298	144	1
6.	≥ 60	258	92	2

- (ii) Umur calon tertua dan calon termuda yang bertanding adalah seperti berikut:

BIL.	KATEGORI	BAHAGIAN PILIHAN RAYA	UMUR CALON
1.	Umur Calon Tertua	<b>PARLIMEN</b> <b>Mahathir Bin Mohammad</b> <b>(P.004 Langkawi)</b> <b>PEJUANG</b>	96 tahun
		<b>DUN</b> <b>Fuaddin Bin Kamaruddin</b> <b>(N.06 Kubu Gajah)</b> <b>PEJUANG</b>	70 tahun
		<b>DUN N.66 BUGAYA</b> <b>Karil Bin Pg Kuraini</b> <b>(PPRS)</b>	76 tahun
2.	Umur Calon Termuda	<b>PARLIMEN</b> <b>Peggy Chaw Zhi Ting</b> <b>(P.181 Tenom)</b> <b>BEBAS</b>	23 tahun



BIL.	KATEGORI	BAHAGIAN PILIHAN RAYA	UMUR CALON
		<b>DUN</b> <b>Muhammad Syahmi Bin Suhaimi</b> <b>(N.12 Tambun Tulang)</b> <b>PAKATAN HARAPAN</b>	<b>23 tahun</b>
		<b>DUN N.66 BUGAYA</b> <b>Jufazli Bin Shi Ahmad</b> <b>BEBAS</b>	<b>33 tahun</b>

8. **Tempoh Rasmi Berkempen**

**Tempoh berkempen bermula** selepas pengisytiharan pilihan raya dipertandingkan oleh Pegawai Pengurus sehingga jam **11.59 malam, 18 November 2022.**

9. SPR telah menubuhkan sebanyak **625 Pasukan Penguat Kuasa Kempen Pilihan Raya (PP-KPR)** untuk memantau semua aktiviti calon-calon yang bertanding ketika berkempen.

10. Calon-calon yang telah membayar deposit bahan kempen pilihan raya sebagaimana diperuntukkan di bawah Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954, adalah juga tertakluk kepada undang-undang kecil mana-mana pihak berkuasa tempatan bagi tujuan **mempamer dan mengedarkan bahan kempen pilihan raya** yang mengandungi **gambar calon, lambang / simbol parti dan gambar pemimpin parti gabungan / komponen secara bersama atau berasingan** yang diwakilinya .

11. Bahan kempen yang mengandungi perkataan-perkataan yang boleh **mengembangkan perasaan jahat, tidak puas hati atau berunsur perkauman dan menyentuh sensitiviti keagamaan atau hasutan yang boleh mendatangkan permusuhan adalah TIDAK DIBENARKAN.**
12. SPR juga berharap agar aktiviti berkempen berjalan dalam suasana yang penuh harmoni serta mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan yang ditetapkan.
13. SPR merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada semua Pegawai Pengurus Pilihan Raya dan pasukan kerana telah menjalankan tanggungjawab dengan lancar pada hari ini.
14. Penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada pihak Pejabat-Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Peguam Negara, Jabatan Insolvensi Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Penerangan Malaysia, media dan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI ABDUL GHANI SALLEH**

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

5 November 2022 / 10 Rabiulakhir 1444H